

Praktis Pengukuhan 1

Kelaskan ayat-ayat di bawah mengikut jenisnya.

- 1 Kita hendaklah sentiasa patuh kepada undang-undang negara agar masyarakat hidup harmoni dan negara yang aman dapat diwujudkan.
- 2 Pasukan badminton negara manakah yang berjaya ke pusingan separuh akhir kejohanan Piala Thomas?
- 3 Tolong alihkan kenderaan yang menghalang lalu lintas kerana jalan raya telah menjadi sesak.
- 4 Jemputlah datang ke rumah saya pada hujung minggu ini.
- 5 Pergi dari sini dan jangan datang lagi.
- 6 Pengetua sentiasa menasihati murid-murid agar sentiasa berdisiplin.
- 7 Usah membantah cakap ibu bapa.
- 8 Dia berpura-pura sakit perut untuk mengelak daripada didenda oleh guru Matematik.
- 9 Atikah, ambilkan ibu tuala itu.
- 10 Amboi, cantiknya baju yang awak pakai!

Praktis Pengukuhan 2

Nyatakan jenis ayat perintah berikut.

- 1 Usahlah meniru perlakuan dan budaya hidup orang Barat yang tidak sesuai dengan budaya timur kerana perbuatan ini akan merugikan diri sendiri.
- 2 Jemputlah makan makanan yang terhidang di atas meja.
- 3 "Zami, lapkan meja yang kotor itu," arah Pak Uteh kepada pekerjanya.
- 4 Tolong hantarkan bungkusan ini kepada Pak Karim.
- 5 Usahlah berkecil hati dengan kata-katanya itu.